

18 MAY 2001

Mahathir-Ilmu (Bergambar)

UMAT ISLAM PERLU KUASAI ILMU FARDU KIFAYAH UNTUK PERTAHAN DIRI

JOHOR BAHRU, 18 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu umat Islam menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang dituntut dalam fardu kifayah dan pada masa yang sama tidak melupakan amalan fardu ain yang diwajibkan dalam Islam.

Perdana Menteri berkata antara ilmu fardu kifayah yang perlu dipelajari umat Islam termasuklah bidang teknologi maklumat, perubatan, ekonomi dan persenjataan.

Menurutnya, jika tidak ada di kalangan umat Islam yang mengetahui atau mempunyai ilmu yang dituntut fardu kifayah maka ia merupakan satu dosa kepada umat Islam.

"Umat Islam perlu mempelajari kebolehan untuk mempertahankan diri dan agama daripada musuh-musuh Islam," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Pembangunan Ummah di Hotel Pacific, di sini, malam ini.

Beliau berkata antara keperluan untuk mempertahankan diri ialah mempunyai senjata tertentu seperti pesawat perang dan kapal selam bagi menangani setiap aspek kemungkinan ancaman musuh Islam.

Dr Mahathir berkata tanpa persediaan mencukupi, termasuk dari segi persenjataan, umat Islam mungkin ditindas dengan mudah serta dianggap lemah seperti yang berlaku di negara Palestine.

"Semua ini (ilmu pengetahuan termasuk ilmu membuat senjata) mesti ada, agar kita dapat mencipta alatan peperangan supaya kita dapat betul-betul mempertahankan negara dan umat Islam," katanya.

Beliau juga meminta umat Islam agar mengimbuai kembali kegemilangan umat Islam di dalam ilmu pengetahuan suatu ketika dahulu, yang katanya sangat dihormati dan digeruni oleh masyarakat barat dan timur.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, kini terdapat golongan tertentu yang berpendapat bahawa umat Islam hanya perlu mempelajari ilmu agama semata-mata kerana beranggapan ilmu di bidang lain lebih kepada pelajaran berbentuk sekular dan tidak menjamin kesejahteraan di akhirat.

Katanya, pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi tempatan juga dipercayai mula dipengaruhi oleh golongan tertentu bahawa mereka perlu mendalami Islam dengan menghadiri ceramah agama, qiamulai dan kuliah subuh.

"Tetapi apa yang menyedihkan, pelajar yang menghadiri majlis qiamulai itu bukan dididik dengan ilmu agama, sebaliknya diajar membenci kerajaan," katanya.

Beliau meminta para ulamak memperbetulkan fahaman umat Islam yang terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar agar, mereka dapat bersama-sama membangun dengan umat Islam yang lain.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaacob.

Seminar selama dua hari anjuran bersama kerajaan negeri dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) itu akan membentangkan sebanyak 17 kertas kerja berhubung pembangunan ummah yang berkaitan dengan semua aspek keislaman termasuk bidang perubatan, sosial, keluarga, ekonomi, IT, politik, sukan, rekreasi, alam sekitar dan kebudayaan.

Seramai 550 orang aktivis Umno, kakitangan kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pelajar dari institut pengajian tinggi dan golongan profesional menyertai seminar yang akan bermula esok.

Seminar itu bertujuan memberikan kefahaman yang jelas berhubung konsep

pembangunan ummah serta kepentingan kepimpinan dan perencanaan strategik dalam pembangunan.

-- BERNAMA

RAM MNY ZB